

Ahad, Jan 14 2018

Ringgit kukuh bukan sebab PRU-14

KUALA LUMPUR 13 Jan. -Penguatan nilai ringgit ketika ini bukan disebabkan campur tangan kerajaan selain Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang semakin hampir seperti didakwa sesetengah pihak sebaliknya disebabkan keadaan semasa pasaran ekonomi.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, kerajaan tidak campur tangan dalam menentukan nilai ringgit tetapi naik turun mata wang berlaku melalui penawaran dan permintaan.

"Jika ada banyak penawaran dan eksport, ia akan membawa masuk banyak dolar Amerika Syarikat (AS\$) ke dalam negara dan pastinya akan ada permintaan kepada ringgit.

"Penguatan ringgit berlaku kerana adanya eksport yang tinggi, pelaburan langsung asing (FDI) yang kukuh, harga minyak yang kembali stabil serta perkara positif dalam ekonomi yang berlaku kerana kepercayaan pelabur

apabila melihat kepada peningkatan ekonomi dan persekitaran politik negara yang stabil.

"Jika pilihan raya mampu membawa penguatan dan mempunyai hubungan dengan mata wang, sudah pasti saya mahu pilihan raya diadakan pada setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman di antara Titijaya Land Berhad (Titijaya Land) dan Tokyu Land Corporation (Tokyu Land) dari Jepun di sini, hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Titijaya Land, Senator Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Nor dan Pengarah Urusannya, Tan Sri Lim Soon Peng manakala Tokyu Land diwakili, Naib Pengerusinya, Hitoshi Uemura dan Pegawai Urusan Bahagian Pengurusan Perniagaan Luar Negara, Shinya Miwa.

Semalam, ringgit mencecah paras 3.96 berbanding AS\$ den-

gan prospek cerah untuk mata wang tempatan itu menguji paras 3.95 pada bila-bila masa, disokong oleh penyiaran Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) yang lebih tinggi berbanding jangkaan.

Ringgit juga terus kukuh berbanding dolar Singapura melepasi paras psikologi 3.00 apabila diniagakan pada paras tertinggi 2.9894 sebelah pagi sebelum ditutup pada kadar 2.9895.

Kali terakhir peningkatan ringgit menghampiri paras tersebut ialah pada Mei 2016.

Menjawab mengenai kesan kepada industri, Johari berkata, dalam mana-mana negara, peningkatan atau penurunan nilai mata wang akan memberi kesan kepada industri dan perniagaan mereka yang menjalankan perniagaan import mahupun ek-



JOHARI GHANI

Mingguan Malaysia (v1)

sport.

Menurutnya, akan ada industri menerima perkembangan positif dan ada juga yang akan menerima kesannya.

Dalam hal itu jelas beliau, syarikat dan industri tersebut memerlukan kepakaran mereka sendiri untuk menangani risiko peningkatan dan penurunan nilai mata wang.

Tambahnya, kerajaan tidak boleh memberi keputusan mengenai mata wang tetapi apa yang dilakukan adalah memberikan ekosistem ekonomi yang stabil serta polisi dan undang-undang terbaik untuk semua.

"Terdapat banyak ruang untuk ringgit terus kukuh terutama dengan polisi yang sangat jelas dilakukan oleh Bank Negara dalam mengurus polisi tersebut sekali gus memberikan keyakinan kepada pelabur untuk membuat pelaburan di negara ini," katanya.